

## KEMPEN PEWARISAN ASNB DI MINGGU SAHAM DIGITAL 2021

### Terma dan syarat

### Kelayakan

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Syarikat 197901003200) (47457-V)) (“ASNB”).
2. Kempen ini bermula semasa Minggu Saham Digital 2021 (“MSD 2021”) pada 17 November 2021 hingga 23 November 2021 (“Tempoh Kempen”). ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlaknyanya.
3. Kempen ini terbuka kepada pemegang-pemegang unit ASNB baharu dan sedia ada yang berumur berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas (“Peserta”) dan memenuhi kelayakan melanggan perkhidmatan Pewarisan ASNB.
4. Objektif kempen ini bertujuan menggalak lebih ramai pemegang unit melakukan pra-daftar online dan melanggan perkhidmatan Pewarisan ASNB semasa Tempoh Kempen MSD 2021 dengan memberi pengetahuan mengenai Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah (“Pewarisan ASNB”).
5. Untuk layak menyertai kempen ini, Peserta mesti memenuhi syarat kelayakan menyertai Perkhidmatan Pewarisan ASNB berikut:
  - (i) Peserta adalah pemegang unit sekurang-kurangnya salah satu daripada tabung unit amanah ASNB yang dinyatakan di bawah;

<b>Tabung Unit Amanah</b>	
<b>Harga Berubah</b>	
1) Amanah Saham Nasional	ASN
2) ASN Equity 2	ASN Equity 2
3) ASN Equity 3	ASN Equity 3
4) ASN Equity 5	ASN Equity 5
5) ASN Equity Global *	ASN Equity Global
6) ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1	ASN Imbang 1
7) ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 2	ASN Imbang 2
8) ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global	ASN Imbang 3 Global
9) ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 1	ASN Sara 1
10) ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2	ASN Sara 2
<b>Harga Tetap</b>	
1) Amanah Saham Bumiputera	ASB
2) Amanah Saham Bumiputera 2	ASB 2
3) Amanah Saham Bumiputera 3 Didik	ASB 3 Didik
4) Amanah Saham Malaysia	ASM
5) Amanah Saham Malaysia 2 Wawasan	ASM 2 Wawasan
6) Amanah Saham Malaysia 3	ASM 3

Nota : \* ASN Equity Global akan layak untuk pendaftaran Pewarisan ASNB bermula 1 Disember 2021.

- (ii) Peserta perlu mengekalkan baki minimum Satu Ribu (1,000) unit (tidak termasuk pinjaman/unit bercagar/Skim Pelaburan Ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)) bagi setiap tabung unit amanah ASNB yang hendak didaftarkan di bawah Pewarisan ASNB; dan
- (iii) Peserta belum pernah mendaftar perkhidmatan Pewarisan ASNB.

### Mekanisme Kempen

1. Untuk menyertai kempen, Peserta perlu melakukan dan melengkapkan perkara berikut semasa Tempoh Kempen:
  - (i) Berjaya melaksanakan dan melengkapkan pra-daftar online Pewarisan ASNB melalui Portal myASNB di [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my);
  - (ii) Menyertai segmen Pewarisan ASNB di MSD 2021 dengan kehadiran lengkap dan perlu mendaftarkan butiran terperinci mereka di pautan yang diberikan oleh hos program. Peserta yang gagal mendaftar dan memberikan butiran mereka tidak layak menerima tawaran kempen.
2. Sepuluh (10) Peserta terawal yang melaksanakan pra-daftar online Pewarisan ASNB dan mendaftar kehadiran dengan butiran lengkap di segmen Pewarisan ASNB MSD 2021 akan dipilih untuk menerima tawaran kempen (“Peserta Terpilih”) seperti di bawah:

Penerangan	Yuran Pewarisan ASNB
Laksana Pra-daftar online Pewarisan ASNB dan sertai segmen Pewarisan ASNB di MSD 2021 untuk berpeluang menerima yuran pendaftaran percuma – Terhadap kepada sepuluh (10) pemegang unit sahaja	Percuma

3. Peserta Terpilih mestilah melengkapkan permohonan Perkhidmatan Pewarisan ASNB dengan menyerahkan dokumen yang diperlukan seperti senarai di bawah (“dokumen lengkap”) ke cawangan ASNB dari 29 November 2021 hingga 27 Disember 2021, (“tempoh yang ditetapkan”):
  - (i) Surat Kuasa Wakil;
  - (ii) Dokumen salinan pengenalan diri Pemberi, Penerima/Penjaga dan Saksi yang telah disahkan benar dari salinan asal; dan
  - (iii) Borang Lafaz Pemberian dan Penerimaan Harta Hibah PH1A(A) (Aqad) yang telah ditandatangani oleh Pemberi Hibah, Penerima Hibah/Penjaga Hibah dan Saksi (untuk permohonan Hibah Amanah sahaja)
4. Yuran pendaftaran Pewarisan ASNB percuma yang diterima oleh Peserta Terpilih tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
5. Peserta Terpilih yang gagal menyerahkan dokumen lengkap ke mana-mana cawangan ASNB dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan menerima tawaran kempen tersebut. Tiada penggantian Peserta Terpilih yang akan dilakukan oleh ASNB dan penggantian, atau pengubahsuaian terhadap tawaran kempen yang diminta oleh Peserta Terpilih tidak akan dibenarkan.

## **Kriteria Pemilihan**

1. Senarai pemegang unit yang telah berjaya melakukan pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB semasa Tempoh Kempen akan disusun berdasarkan waktu ("timestamp") yang direkodkan oleh sistem.
2. Senarai pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB akan dibandingkan dengan senarai kehadiran untuk segmen Pewarisan ASNB di MSD 2021, yang termasuk tempoh kehadiran Peserta.
3. Sepuluh (10) Peserta terawal yang melaksanakan pra-daftar online untuk Pewarisan ASNB, telah mendaftar butiran terperinci mereka melalui pautan yang diberikan semasa segmen Pewarisan ASNB dan mempunyai kehadiran lengkap untuk segmen Pewarisan ASNB akan dipilih untuk menerima tawaran kempen.
4. ASNB akan menghubungi Peserta Terpilih untuk memaklumkan kelayakan mereka untuk menerima yuran pendaftaran percuma perkhidmatan Pewarisan ASNB dan perlu menyerahkan dokumen lengkap ke cawangan ASNB yang ditentukan oleh Peserta dalam tempoh yang ditetapkan untuk melengkapkan proses permohonan.

## **Lain-lain Terma dan Syarat**

1. Dengan menyertai kempen ini, Peserta telah bersetuju dengan Terma dan Syarat kempen ini. Keputusan ASNB, sebagai penganjur, adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.
2. ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan kempen ini. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.
3. ASNB berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat pada bila-bila masa.
4. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Peserta dalam kempen ini.
5. Terma dan Syarat kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik yang lain.
6. Terma dan Syarat kempen ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.
7. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi Terma dan Syarat kempen ini, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.